



FACULTY OF EDUCATION AND ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

| | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**
 Trimester & Year : September – December 2022
 Lecturer/Examiner : Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 11 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Puan Kok menunggu hingga petang. Mana tahu kalau-kalau anak perempuannya, Yuk San berjaya melarikan diri. Tapi daripada siapa? Nian? Adakah makhluk itu di Bukit Beruntung? Oh, kalau benar ada Nian memang Yuk San telah dijadikan hidangan. Tidak! Itu cerita zaman nenek moyang. Tidak mungkin wujud zaman ini. Zaman ini zaman anak-anak remaja moden. Kadang-kadang Puan Kok sendiri tidak faham erti moden pada anak-anak remaja, termasuklah Yuk San.

Kata Yuk San, "Aku nak kebebasan. Aku tidak suka dikongkong oleh adat lama."

Puan Kok kernyih sumbing. "Adat lama yang membesarkan kau. Jangan hina adat."

Mengingat kembali kata-kata Yuk San, Puan Kok tidak mampu menahan air mata. Sebak menyesak dalam benak. Puan Kok menangis tersedu-sedan. Dia rindu keletah manja Yuk San.

Malam melabuhkan wajahnya. Puan Kok berjalan kaki pulang. Air sebotol sudah habis diminum. Perutnya mula berteriak lapar. Kalaulah ada Pak Samad, bolehlah dia menumpang makan. Ah, malu pula meminta-minta. Tapi Pak Samad bukan orang lain, Pak Samad kan jiran aku. Puan Kok bermonolog sendiri. Semuanya seolah-olah tidak pernah ada sengketa antara dia dan lelaki tua yang dianggapnya miang itu.

Rumah Pak Samad sunyi. Pak Samad juga tidak ada di laman rumah, di kerusi malasnya seperti selalu. Hanya lampu depan terpasang. Mungkin mahu berjimat, atau mungkin dia sudah tidur. Puan Kok hampa. Perutnya bergendang lagi. Kali ini angin menyentak-nyentak dari dalam.

Lampu rumahnya dipasang. Dia ke dapur. Sebungkus Maggi dimasak. Lapar.

Kedengaran dari luar rumah, suara orang bising-bising. Puan Kok menjenguk melalui pintu belakang. Ah, bertambah dukalah hatinya! Sanak saudara terdekat keluarga Ah Chong sudah berhimpun. Rumah pun sudah siap berhias. Seronok juga bahang sambutan Tahun Baru Cina jika diingat betul-betul. Kalaulah ada suaminya dulu, penuh sanak saudara sebelah suami. Dia pula hanya **sebatang kara**. Adapun seorang puteri tetapi tidak ada di sisi. Petanda malangkah untuk tahun ini?

Pom! Bunyi mercun yang sayup-sayup didengarnya dari Bukit Beruntung tadi kedengaran jelas. Terkejut Puan Kok sampai tersentak tangkai jantungnya. Puan Kok mengurut-ngurut dada. Hidungnya mula menangkap bau. Sudah siap makanannya. Namun begitu, dia terlupa tentang kuih kerana fikirannya hanyalah anaknya, Yuk San. Dia tahu Yuk San suka makan kuih bakul. Pak Samad pun suka. Malangnya, dia yang terlupa. Tidak sempat kalau membuatnya sekarang. Tiba-tiba Puan Kok tergelak sendiri. Pasti ada jiran-jiran yang memberi nanti.

(Dipetik dan diubah suai daripada cerpen 'Misteri Bukit Beruntung' oleh Citra Zura)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **sebatang kara** seperti dalam petikan di atas? **(2 markah)**
2. Berikan **DUA (2)** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas? **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, nyatakan **DUA (2)** kebaikan hidup berjiran? **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Laporan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) menunjukkan Malaysia berada pada kedudukan kedua di Asia pada 2020 bagi perbuatan buli siber dalam kalangan belia. Hal ini sekali gus membuktikan bahawa gejala buli siber semakin serius berlaku dalam negara dan **tidak boleh dipandang enteng** lagi.

Gejala buli siber mempunyai kesan segera dan meluas memandangkan serangan pembuli boleh berlaku selama 24 jam sehari dengan kapasiti yang luas. Hal ini berbeza dengan buli secara tradisional yang dilakukan secara bersemuka. Buli siber juga menyebabkan kebimbangan kerana hal ini berlaku secara berterusan. Penggunaan teknologi membolehkan komunikasi berlangsung setiap hari tanpa henti. Hal ini mengakibatkan kesukaran kepada mangsa buli untuk mendapatkan perlindungan. Bukan itu sahaja, buli juga berlaku secara kekal, iaitu segala maklumat yang dikongsi melalui sistem elektronik atau internet ini kebiasaannya bersifat kekal dan terbuka. Oleh yang demikian, sebarang perkongsian negatif dalam laman ini akan sentiasa menghantui mangsa buli. Hal ini mendatangkan trauma yang berpanjangan buat mangsa buli dan mereka sukar untuk melupakan kejadian buli tersebut. Seterusnya, identiti pembuli siber juga sukar untuk dikenal pasti kerana buli ini tidak berlaku di depan mata dan biasanya mangsa buli sukar untuk berterus-terang tentang kejadian buli yang berlaku kerana merasa terhina akan stigma sosial.

Buli siber ini sewajarnya dihentikan serta-merta dan tidak dijadikan satu budaya di dunia siber. Penguatkuasaan yang ketat perlu diambil bagi mengelakkan gejala ini menular secara bebas dalam kalangan masyarakat. Hal ini sangat serius kerana memberikan kesan negatif terhadap mangsa buli.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **tidak boleh dipandang enteng**? **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan di atas, berikan **EMPAT (4)** kebimbangan yang disebabkan oleh gejala buli siber. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, nyatakan **DUA (2)** kesan negatif buli siber kepada mangsa buli. **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

- a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

I. menonton **(2 markah)**

II. menaiki **(2 markah)**

III. memasukkan **(2 markah)**

IV. mengepos **(2 markah)**

V. menyiapkan **(2 markah)**

(10 markah)

- a) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Tuliskan jawapan yang betul di kertas jawapan.

1. Malaysia mengenal sebagai sebuah negara yang beriklim khatulistiwa serta mempunyai alam semulajadi yang unik.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

2. Industri pelancongan merupakan penyumbang penting dalam bangunan ekonomi negara.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

3. Malaysia juga mencatatkan rekod purata kemasukan pelancong asing sebanyak dua juta bagi setiap tahun.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

4. Peningkatan pendapatan negara melalui sektor ini mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat bertempat.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

5. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah dana untuk tujuan pengendahan, kebersihan, perlindungan alam sekitar, infrastruktur, dan sebagainya untuk tertarik lebih ramai pelancong ke Malaysia.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

SOALAN 1

Kes penculikan kanak-kanak semakin menjadi-jadi belakangan ini. Bincangkan langkah-langkah yang wajar dilakukan untuk menjaga keselamatan anak-anak daripada menjadi mangsa penculikan.

ATAU;

SOALAN 2

Pada pendapat anda, apakah yang wajar dilakukan oleh seseorang individu sebagai persediaan untuk memasuki alam pekerjaan?

ATAU;

SOALAN 3

Tuliskan sebuah cerita berdasarkan peribahasa, 'Genggam bara api biar sampai jadi abu'.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT